

## 300 koperasi sertai ICA 2017 November ini

**LIPIS 11 Sept.** - Kira-kira 1,500 pemimpin daripada 300 koperasi di seluruh dunia dijangka menyertai Persidangan Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) Global 2017 selama empat hari di ibu negara bermula 14 November ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah (**gambar**) berkata, sehingga kini, seramai 600 peserta luar sudah mendaftarkan diri untuk menghadiri persidangan itu sekali gus memperlihatkan minat untuk menerokai pasaran Malaysia dan ASEAN bagi produk serta perkhidmatan masing-masing yang ditawarkan.

"Angkasa telah menggerakkan kempen menyertai ICA kepada pemain sektor koperasi dari seluruh dunia sewaktu menghadiri persidangan yang sama di Quebec, Kanada tahun lepas.

"Inilah peluang terbaik kepada pemimpin koperasi di negara ini melibatkan diri dalam persidangan peringkat antarabangsa kerana boleh bertukar-tukar fikiran dengan peneraju koperasi negara lain dari segi peluang pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meraikan kumpulan pendaki Gu-

nung Tahan yang mewakili pejabat pentadbiran Angkasa di Kem Relau, Merapoh dekat sini, semalam.

Dalam majlis berkenaan, seramai 13 pendaki terdiri daripada pegawai Bahagian Pentadbiran, Latihan dan Komunikasi Korporat Angkasa menerima sijil penghargaan setelah berjaya menamatkan pendakian gunung setinggi 2,184 meter itu dalam tempoh tiga hari.

Menurut Abdul Fattah, pengajuran Persidangan ICA Global 2017 di ibu negara membuka peluang kepada pemain sektor koperasi tempatan dan antarabangsa menyertai mesyuarat, seminar, pameran serta pasaran produk.

Kata beliau, Angkasa akan menjadikan program ikonik miliknya, Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (Maccops) sebagai satu jenama untuk menyertai pameran dan pasaran produk secara besar-besaran sepanjang persidangan tersebut berlangsung.

"Sejak diperkenalkan pada 2014, sebanyak dua edisi telah dianjurkan dan sambutan diterima setakat ini cukup menggalakkan dengan nilai jualan serta pelaburan kedua-dua edisi tersebut mencecah RM5 juta," katanya.



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia